

**PENGUNAAN SEPANDUK SEBAGAI ALAT KOMUNIKASI VISUAL DALAM
PENYAMPAIAN MAKLUMAT DI SEKOLAH-SEKOLAH DAERAH BESUT**

MAZLINDA BINTI MUHAMAD

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan sepanduk sebagai alat komunikasi visual dalam penyampaian maklumat. Fokus kajian ini adalah terhadap sepanduk di bahagian hadapan sekolah yang meliputi reka bentuk, struktur peragaan dan lokasi peragaan sepanduk. Penyelidikan ini melibatkan sepuluh buah sekolah dalam daerah Besut. Reka bentuk kajian menggunakan pendekatan kajian kes kualitatif. Kajian kes yang digunakan adalah kajian kes deskriptif dan eksploratori. Kaedah yang digunakan untuk mengumpul data meliputi temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Bagi kaedah temu bual, sebanyak sepuluh orang guru seni daripada sepuluh buah sekolah telah dipilih secara rawak. Penyelidik juga membuat sesi temu bual bersama Pegawai Pendidikan Daerah Besut untuk mendapatkan maklumat berkaitan arahan menghasilkan sepanduk. Temu bual berbentuk separa struktur dilakukan. Kaedah pemerhatian dilakukan dengan melihat respons audiens terhadap sepanduk yang dipamerkan di sekolah-sekolah terpilih. Analisis dokumen menggunakan Buku Kedatangan Murid untuk melihat kehadiran pelajar ke sekolah selepas kempen melalui sepanduk dibuat. Hasil kajian menunjukkan sepanduk merupakan alat komunikasi visual yang berkesan dalam penyampaian maklumat. Setiap sekolah mempunyai kaedah penggunaan sepanduk yang tersendiri. Namun kaedah penggunaan sepanduk di setiap sekolah didapati hampir sama. Besar atau kecil sepanduk yang dihasilkan bergantung kepada sumber kewangan sekolah tersebut. Bukti dokumentasi menunjukkan terdapat peningkatan sebanyak 15% kehadiran pelajar ke sekolah selepas kempen dijalankan. Hasil kajian mengesahkan sepanduk sebagai alat komunikasi visual di sekolah bergantung kepada tiga aspek utama iaitu dari segi reka bentuk sepanduk, reka bentuk struktur peragaan sepanduk dan lokasi peragaan sepanduk yang strategik. Kombinasi ketiga-tiga aspek ini dapat membantu pihak sekolah memaksimumkan penyampaian maklumat menerusi alat komunikasi visual sepanduk. Implikasi daripada kajian ini ialah sekolah sesuai menggunakan sepanduk sebagai alat menyampaikan maklumat.

THE USE OF BANNER AS A VISUAL COMMUNICATION TOOL IN DISSEMINATING INFORMATION IN SCHOOLS OF BESUT DISTRICT

ABSTRACT

This study aimed to identify the use of banners as a means of visual communication in disseminating information. The focus of this study is the banner placed at the front of the school that includes the design, structure, and location of the banners. This study involved ten schools in the district of Besut. The study adopted qualitative case study approach. In this study, the research used descriptive and exploratory case studies. Methods used to collect data included interviews, observations and document analysis. For the interview, ten art teachers from ten schools were selected randomly. Researcher also made an interview with District Education Officer to obtain information on the directive of producing banners. Interviews conducted in the form of a semi-structured interview. The observation method was used to observe audiences' responses on the banners displayed at the schools. In the analysis of documents, the researcher used the Student's Attendance Book to check on the number of students attending the school. after the campaign through banners were placed. The study found that banners are an effective visual communication tool in disseminating information. Each school has its own method of using banners. However, the use of banners in every school found to be almost the same. Large or small banners produced depend on the financial resources of the school. Documented evidence shows there was an increase of 15% in attendance after the campaign. The findings confirmed that banners as a means of visual communication in school depends on three main aspects in terms of design banners, structural design and strategic location. The combination of these three aspects can help the school to maximize the delivery of information through banners as a form of visual communication. Implication of this study is that schools can use banner to disseminate knowledge.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI GAMBAR	xi
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Tujuan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Signifikan Kajian	9
1.6.1 Guru	10
1.6.2 Pelajar	10
1.6.3 Pihak sekolah	10

1.6.4	Ibu bapa	11
1.6.5	Masyarakat	11
1.6.6	Penyelidik lain	11
1.7	Jangkaan hasil dapatan kajian	12
1.8	Kerangka konseptual	13
1.9	Organisasi Kajian	14
1.10	Definisi Operational	14
1.10.1	Sepanduk	14
1.10.2	Komunikasi visual	15
1.10.3	Prinsip reka bentuk visual	16
1.10.3	Grafik	17

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	20
2.2	Teori-teori komunikasi visual sepanduk	26
2.2.1	Komunikasi	26
2.2.2	Komunikasi visual	32
2.2.3	Reka bentuk grafik	34
2.2.4	Prinsip rekaan sepanduk	36
2.3	Tinjauan kajian lepas	40
2.4	Reka bentuk sepanduk di sekolah	43
2.4.1	Reka bentuk sepanduk	44
2.4.2	Reka bentuk struktur peragaan	49
2.4.3	Lokasi peragaan sepanduk	51
2.5	Kesimpulan	53

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	54
3.2	Lokasi kajian	55
3.3	Reka bentuk kajian	55
3.3.1	Kajian kes	56
3.4	Kaedah temu bual	62
3.5	Kaedah pemerhatian	63
3.6	Bukti dokumentasi	65
3.7	Prosedur pelaksanaan kajian	66
3.8	Prosedur menganalisis data	66
3.9	Analisis data	68
3.10	Kebolehpercayaan data	71
3.11	Kesimpulan	75

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	76
4.2	Analisis konvensional	79
4.3	Persoalan kajian satu : Reka bentuk sepanduk	80
4.3.1	Analisis data temubual	80
4.3.2	Analisis data pemerhatian	88
4.4	Persoalan kajian dua : Reka bentuk struktur peragaan sepanduk	101
4.4.1	Analisis data temu bual	101

4.4.2. Analisis data reka bentuk struktur

	peragaan sepanduk	105
4.5	Prsoalan kajian tiga : Lokasi struktur	119
	peragaan sepanduk	
4.5.1	Analisis data temu bual	119
4.5.2.	Analisis data pemerhatian	122
4.6	Rumusan	131

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Rumusan dan penemuan kajian	133
5.2	Persoalan kajian	135
5.2.1	Persoalan kajian satu : reka bentuk sepanduk	135
5.2.2	Persoalan kajian dua : reka bentuk struktur	139
	peragaan sepanduk	
5.2.3	Persoalan kajian satu : lokasi peragaan	148
	sepanduk	
5.3	Implimikasi dapatan kajian	150
5.4	Cadangan kajian lanjutan	155
5.5	Penutup	156

RUJUKAN		158
----------------	--	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Reka bentuk, struktur peragaan dan lokasi peragaan sepanduk	73 - 74
4.1	Reka bentuk dan saiz struktur peragaan sepanduk	105

SENARAI GAMBAR

No. Gambar	Muka Surat
2.1 Perarakan kemerdekaan di ketuai Tunku Abdul Rahman	22
2.2 Sepanduk dihasilkan secara konvensional	23
2.3 Sepanduk dihasilkan secara inkjet	25
2.4 Pemilihan warna dan lokasi yang tepat	47
2.5 Kesilapan reka bentuk sepanduk di sekolah	48
2.6 Saiz struktur peragaan terlalu tinggi	49
2.7 Saiz struktur peragaan yang sesuai	50
2.8 Persekitaran sekolah yang tiada struktur peragaan	50
2.9 Struktur peragaan yang tidak digunakan	51
2.10 Penggunaan sepanduk yang berkesan	52
4.1 Sepanduk bersaiz sederhana di sekolah menengah satu	88
4.2 Sepanduk yang bersaiz kecil di sekolah menengah satu	88
4.3 Sepanduk bersaiz besar di sekolah menengah dua	89
4.4 Reka bentuk sepanduk bersaiz sederhana.	90
4.5 Sekolah empat mempunyai satu struktur peragaan sepanduk	92
4.6 Sekolah lima struktur peragaan sepanduknya di penjuru pagar	93
4.7 Sepanduk terletak di bawah struktur peragaan	94
4.8 Sepanduk bersaiz sederhana di sekolah rendah dua	96
4.9 Struktur peragaan terletak jauh dari pintu masuk utama	97
4.10 Sekolah empat struktur peragaan kecil kerana ruang terhad	98

4.11	Ruangan nama sekolah dipasang sepanduk	100
4.12	Struktur peragaan di pintu masuk mempunyai besi penahan di bahagian belakang.	106
4.13	Struktur peragaan kedua di pintu keluar. Besi penahan dipasang di bahagian hadapan	106
4.14	Struktur peragaan yang di reka bersama tangga di sebelah kanan dan kiri	108
4.15	Terdapat tiga reka bentuk struktur peragaan yang berbeza saiz dan bentuk di satu lokasi	109
4.16	Reka bentuk struktur peragaan di sekolah ini mempunyai tangga seperti duri di bahagian tepi.	110
4.17	Reka bentuk struktur peragaan di sekolah lima mempunyai tiga besi penahan di bahagian belakang	111
4.18	Struktur peragaan sekolah ini mempunyai dua batang besi penahan di bahagian belakang.	112
4.19	Reka bentuk struktur peragaan bersaiz sederhana	114
4.20	Reka bentuk struktur peragaan kedua, tiga dan empat yang terletak di sebelah kanan pintu masuk.	114
4.21	Reka bentuk struktur peragaan paling kecil terletak di belakang tiang gol	116
4.22	Reka bentuk struktur peragaan di sekolah ini bersaiz kecil sesuai dengan ruang yang terhad	117
4.23	Sekolah ini tidak mempunyai struktur peraga. Sepanduk digantungkan di pagar sekolah.	118
4.24	Lokasi struktur peragaan terletak di sebelah kanan pintu masuk utama	122
4.25	Lokasi asal sepanduk yang tidak pernah digunakan	123
4.26	Lokasi baru sepanduk yang mula digunakan	123
4.27	Lokasi baru sepanduk terlindung dengan dua papan tanda	124
4.28	Sepanduk ketiga mempunyai duah buah struktur peragaan yang digabungkan bersama	125


4.29	Dua buah sepanduk ketiga yang dipindahkan lokasinya. Sebuah di sebelah kanan dan sebuah lagi di sebelah kiri pagar sekolah	125
4.30	Struktur peraga terletak 150 km dari sekolah	127
4.31	Struktur peragaan terletak di sebelah kanan pintu masuk utama	128
4.32	Lokasi baru sepanduk yang mula digunakan.	129
4.33	Sekolah ini tidak mempunyai struktur peragaan, sepanduk dipasang pada pagar sekolah	130
5.1	Reka bentuk struktur peragaan yang sesuai dijadikan panduan	147
5.2	Struktur peragaan di sekolah dua yang baru diubah lokasinya	150
5.3	Pemerhatian sebelum iaitu ketika sekolah tidak mempunyai struktur peragaan	152
5.4	Pemerhatian akhir selepas pihak sekolah telah memasang sebuah struktur peragaan. Pemandangan di hadapan sekolah kelihatan lebih kemas dan teratur	152
5.5	Hasil pemerhatian awal pihak sekolah telah menggabungkan dua buah struktur peragaan sepanduk di penjuru pagar sekolah	153
5.6	Pemerhatian akhir pihak sekolah telah memindahkan sebuah struktur peragaan sepanduk ke lokasi lain	153
5.7	Struktur peragaan di pindahkan ke lokasi yang kurang strategik kerana sekolah ini telah mempunyai empat buah struktur peragaan	154
5.8	Cadangan pembinaan struktur peragaan sepanduk bagi sekolah rendah lima yang tidak mempunyai struktur peragaan sepanduk.	155

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka konseptual sepanduk sebagai alat komunikasi	13
2.1	Teori-teori komunikasi visual sepanduk	26
2.2	Perantara komunikasi	29
2.3	Model Lasswell's	31
2.4	Prinsip reka bentuk grafik	37
2.5	Kerangka konsep penggunaan sepanduk di sekolah	44
3.1	Grounded theory	69
5.1	Reka bentuk struktur peragaan di sekolah menengah satu bersaiz sederhana	140
5.2	Reka bentuk struktur peragaan di sekolah menengah dua bersaiz besar dan bertangga	141
5.3	Reka bentuk struktur peragaan di sekolah menengah dua bersaiz besar dan bertangga	141
5.4	Reka bentuk struktur peragaan di sekolah menengah tiga bersaiz sederhana dan pelbagai saiz	142
5.5	Reka bentuk struktur peragaan di sekolah menengah empat bersaiz kecil dan bertangga	142
5.6	Reka bentuk struktur peragaan di sekolah menengah lima bersaiz besar	143
5.7	Reka bentuk struktur peragaan di sekolah rendah satu bersaiz besar	143
5.8	Reka bentuk struktur peragaan di sekolah rendah dua bersaiz	144

sederhana

5.9	Reka bentuk struktur peragaan di sekolah rendah tiga bersaiz kecil	144
5.10	Reka bentuk struktur peragaan di sekolah rendah empat bersaiz paling kecil	145
5.11	Reka bentuk struktur papan peraga di sekolah rendah lima bersaiz kecil	145
5.12	Cadangan reka bentuk struktur peragaan bersaiz sederhana sesuai diguna pakai di peringkat sekolah	146



SENARAI SINGKATAN

CD ROM	Cakera padat
2D	Dua Dimensi
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
IPTA	Institut Pendidikan Tinggi Awam
IPTS	Institut Pendidikan Tinggi Swasta

SENARAI LAMPIRAN

- A Pengesahan pembetulan disertasi
- B Surat pengesahan status pelajar
- C Reka bentuk sepanduk
- D Reka bentuk struktur peragaan
- E Lokasi peragaan sepanduk
- F Lokasi di dalam peta
- G Contoh soalan temubual
- H Jadual matrikulasi data
- I Soalan naratif

BAB 1

Pengenalan

1.1 Latar belakang kajian

Sepanduk merupakan perantara komunikasi visual yang sering digunakan di sekolah. Sepanduk berperanan sebagai perantara komunikasi visual tanpa suara yang terbaik dalam penyampaian maklumat. Melalui komunikasi visualnya maklumat dapat disampaikan bukan sahaja kepada pelajar dan guru tetapi juga kepada ibu bapa serta masyarakat sekitar tentang aktiviti yang sedang berlangsung di sekolah. Sesebuah

sependuk yang berkesan dapat menarik perhatian audiens untuk membaca maklumat yang disampaikan.

Sependuk yang berkesan mempunyai elemen reka bentuk grafik yang terbaik. Penggunaan perkataan reka bentuk grafik atau '*graphic designer*' mula diperkenalkan oleh William Addison dalam buku bertajuk '*Dwelling*' sekitar tahun 1922. Pereka grafik menggunakan pelbagai kaedah untuk mencipta dan menggabungkan perkataan, simbol dan imej untuk mewujudkan visual idea bagi penyampaian mesej sesebuah karya komunikasi visual.

Kajian ini mengaitkan sependuk dengan komunikasi visual iaitu suatu kaedah penyampaian kehendak atau maksud tertentu kepada pihak lain dengan penggunaan media penggambaran yang hanya terbaca oleh indera penglihatan melalui perantara seperti logo, tipografi, gambar, komposisi, ilustrasi, warna dan penggunaan rangka reka (*border*) dalam penyampaiannya.

Dahulu sependuk di sekolah menggunakan media konvensional dari segi kaedah penghasilannya iaitu menggunakan pewarna plaka dan kain putih atau cetakan skrin. Oleh sebab itu, dahulu sependuk dikenali dengan nama kain rentang yang bermaksud kain yang direntangkan. Seiring arus perkembangan teknologi, sependuk di sekolah kini menggunakan cetakan inkjet di atas permukaan tarpaulin.

Penyelidikan ini dilakukan sebagai menambah baik penggunaan sepanduk di sekolah. Berdasarkan pemerhatian yang telah dibuat di beberapa buah sekolah di daerah Besut, penyelidik mendapati perlu dilakukan penambahbaikan dalam aspek penggunaan sepanduk di sekolah dari segi reka letak sepanduk, reka bentuk struktur peragaan sepanduk dan lokasi peragaan sepanduk.

Batasan kajian ini ialah tertumpu kepada sepanduk di bahagian hadapan sekolah sahaja dan tidak melibatkan sepanduk yang terdapat di sudut lain di kawasan sekolah. Skop kajian melibatkan sepuluh buah sekolah dalam daerah Besut. Pemilihan lokasi ini dibuat bagi memudahkan pengkaji menjalankan kajian. Pengkaji merupakan seorang guru pendidikan seni dan telah tinggal di Besut selama 14 tahun, setelah beberapa tahun memantau fenomena penggunaan sepanduk di daerah Besut, penyelidik mula berminat untuk membuat kajian.

Analisis awal mendapati penggunaan sepanduk yang berkesan amat mempengaruhi pemahaman pelajar terhadap sesuatu informasi di sekolah. Sepanduk yang berkesan ialah yang dapat menarik tumpuan audiens untuk melihat. Reka bentuk sepanduk perlu menekankan aspek keterbacaan audiens.

Penyelidikan ini dilakukan bagi mengenal pasti saiz yang sesuai bagi struktur peragaan serta lokasi yang terbaik untuk memperagakannya agar fungsi sebenar sepanduk sebagai sumber komunikasi visual yang penting di sekolah dapat

dimaksimumkan. Tahap pengetahuan dan kemahiran guru seni dalam bidang rekaan sepanduk dari aspek reka letak seperti tipografi, gambar, komposisi, ilustrasi, pemilihan warna dan penggunaan rangka reka (*border*) turut dikaji. Kesemua elemen ini mempengaruhi tahap keterbacaan audiens terhadap sepanduk di sekolah bagi menilai kesan sepanduk sebagai media penyampaian maklumat yang berkesan.

Penyelidikan ini dilakukan bagi mengkaji keberkesanan sepanduk dalam penyampaian maklumat secara visual di peringkat sekolah. Faktor keberkesanan penyampaian maklumat dilihat dalam tiga aspek utama iaitu reka bentuk sepanduk, struktur peragaan sepanduk dan lokasi peragaan sepanduk.

1.2 Penyataan Masalah

Terdapat beberapa masalah dalam kajian ini yang perlu diketengahkan untuk dibuat kajian:

1. Sepanduk yang tidak berkesan kerana audiens merupakan sasaran tidak mengambil perhatian terhadap sepanduk yang dipasang.
2. Sepanduk yang dari segi reka bentuknya tidak menarik kerana prinsip-prinsip rekaan dan organisasi rekaan tidak diambil berat.

3. Reka bentuk struktur peragaan yang terlalu tinggi atau terlalu rendah tidak dapat menarik tumpuan audiens untuk membaca maklumat.
4. Lokasi letaknya sepanduk tidak strategik, jauh daripada tempat tumpuan umum.
5. Pengetua atau pentadbir cuba berjimat mempengaruhi kuantiti, saiz dan reka bentuk sepanduk.

Proses penghasilan sepanduk kini hanya berlaku di kedai iklan. Guru perlu membuat draf dan diserahkan kepada pihak kedai. Kadang-kadang apa yang ditempah tidak sama dengan yang dibuat. Perkara ini kerap berlaku dan sepanduk yang ditempah terpaksa juga diperaga. Sepanduk yang diperaga di sekolah sentiasa diganti dengan yang baru dalam tempoh dua minggu. Justeru itu, pengkaji perlu peka dengan pertukaran tersebut untuk membuat pemerhatian secara berterusan supaya data yang diambil tepat.

Sepanduk sering dilihat sebagai media komunikasi visual yang utama di sekolah. Menyampaikan maklumat yang berkesan kepada pelajar merupakan satu cabaran kepada pengurusan sekolah kerana pelajar sering mengalami masalah pemahaman terhadap sesuatu informasi disebabkan kurangnya pengamatan dan tumpuan.

Pereka bentuk perlu memikirkan dua perkara yang dikira sebagai pengukuhan dalam sesuatu rekaan. Antara lain ialah pemikiran '*subject matter*' atau uniti intelek dalam reka bentuk visual. Sebagai menambah baik penggunaan sepanduk di peringkat sekolah penyelidik berminat untuk mengenengahkan tajuk ini untuk di buat kajian agar aspek penggunaan sepanduk di peringkat sekolah akan lebih baik dan berkesan.

Kebanyakan sekolah terdapat struktur peragaan untuk memperagakan sepanduk dan di sesetengah sekolah pula tiada kemudahan tersebut. Justeru itu, perlu dibuat penyelidikan kenapa perkara ini berlaku. Peragaan sepanduk secara tidak terancang boleh menyebabkan gangguan visual terutama bagi permandangan di bahagian hadapan sekolah, penyelidikan ini akan dapat membantu menambah baik kaedah peragaan sepanduk di sekolah.

Jarak keterbacaan bagi penglihatan sesebuah sepanduk di sekolah ialah 30 hingga 60 kaki. Justeru itu, bagi sekolah yang mempunyai struktur peragaan yang terlalu tinggi agak kurang sesuai untuk menarik perhatian audiens, sekiranya sepanduk dihasilkan dalam saiz yang kecil. Sepanduk dihasilkan dalam saiz yang besar tiada masalah cuma penggunaan sepanduk dalam saiz yang besar menyebabkan pembaziran kos. Dalam situasi ini satu penyelidikan perlu dibuat bagi menambah baik tahap keterbacaan pelajar terhadap sepanduk yang dipasang di sekolah.

1.3 Tujuan kajian

Penyelidikan ini dilakukan bagi melihat keberkesanan sepanduk sebagai medium komunikasi visual di sekolah. Aspek yang dibuat kajian ialah reka bentuk sepanduk, reka bentuk struktur peragaan sepanduk dan lokasi peragaan sepanduk. Kombinasi ketiga-tiga aspek ini akan dapat menambah baik fungsi sepanduk sebagai penyampai maklumat yang berkesan di sekolah.

1.4 Objektif kajian

Kajian ini mempunyai beberapa objektif yang meliputi perkara-perkara berikut :

1. Mengkaji reka letak sepanduk bagi menambah baik aspek keterbacaan supaya sepanduk di sekolah dapat menyampaikan maklumat dengan jelas, tepat dan menarik perhatian audiens.
2. Mengenal pasti reka bentuk struktur peragaan sepanduk di sekolah-sekolah daerah Besut adakah sesuai atau perlu penambahbaikan.
3. Mengkaji keberkesanan lokasi peragaan sepanduk di daerah Besut dan mengenal pasti aspek lokasi yang terbaik untuk peragaan sepanduk.

1.5 Persoalan kajian

Berikut adalah persoalan kajian yang mendorong dan menjadi penggerak kepada penyelidik untuk mencapai objektif kajian iaitu:

1. Mengkaji reka letak sepanduk di sepuluh buah sekolah di daerah Besut bagi menambah baik aspek keterbacaan oleh audiens.
2. Mengenal pasti reka bentuk struktur peragaan di sepuluh buah sekolah di daerah Besut.
3. Mengkaji keberkesanan lokasi peragaan sepanduk di sepuluh buah sekolah di daerah Besut.

Persoalan kajian yang pertama melihat dari aspek reka bentuk sepanduk. Penyelidikan ini dibuat bagi melihat bagaimanakah reka bentuk sepanduk di sekolah. Sebuah sepanduk yang berkesan memerlukan elemen reka bentuk grafik dan prinsip reka bentuk visual yang terbaik bagi menghasilkan reka bentuk sepanduk yang berkesan.

Elemen reka bentuk grafik bermakna bahan-bahan asas yang digunakan untuk membentuk suatu komposisi visual. Terdapat lima elemen grafik iaitu, ruang, garis, permukaan, bentuk dua dimensi (*Shape*) dan Bentuk Tiga Dimensi (*Form*). Prinsip reka bentuk visual berkaitan dengan kaedah menggunakan elemen-elemen grafik agar

visual menjadi lebih menarik. Terdapat enam prinsip reka bentuk visual iaitu simplisiti, dominan, pola, seimbang, variasi dan harmoni. Penyelidikan ini dibuat bagi melihat adakah sepanduk yang terdapat di sekolah menepati ciri-ciri sepanduk yang berkesan iaitu mempunyai enam prinsip reka bentuk visual.

Bagi persoalan kajian yang kedua dan ketiga iaitu reka bentuk struktur peragaan dan lokasi peragaan sepanduk. Kedua-duanya saling berkait dan amat dipengaruhi oleh pihak pengurusan sekolah. Sekolah yang mempunyai peruntukan yang tinggi akan mempunyai struktur peragaan yang lebih baik. Penyelidikan ini merupakan perintis kepada penyelesaian masalah penggunaan sepanduk di sekolah.

1.6 Signifikan kajian

Sepanduk merupakan satu inisiatif dalam usaha penyampaian maklumat secara visual kepada pelajar. Penyelidikan ini penting bagi mengkaji reka bentuk sepanduk yang terbaik dapat diguna pakai di peringkat sekolah, keduanya bagi mengkaji reka bentuk struktur peragaan yang sesuai diguna pakai di peringkat sekolah dan yang ketiganya dapat mengenal pasti lokasi peragaan yang terbaik di setiap sekolah. Melalui kajian ini dapat membantu pengurusan sekolah menggunakan peruntukan sekolah dengan berhemah dan juga dapat menambah baik landskap di persekitaran sekolah.